

Nama Tingkatan

JABATAN PELAJARAN MELAKA

3767/1

Ekonomi

Kertas 1

SEPTEMBER

2020

1 ¼ jam

UJIAN DIAGNOSTIK 2 SPM TAHUN 2020

EKONOMI

Kertas 1

1 ¼ Jam

(Satu jam lima belas minit)

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Buku soalan ini mengandungi 40 soalan.*
- 2. Jawab **semua** soalan.*
- 3. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

- 1 Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu masalah ekonomi

Kerajaan bercadang untuk menanggungkan pelaksanaan projek pembinaan dua buah klinik kesihatan baharu yang bernilai RM 3 juta

Mengapakah kerajaan berbuat demikian?

- A Kekurangan hasil kerajaan
 - B Kekurangan sumber ekonomi
 - C Kekurangan modal
 - D Kekurangan wang
- 2 Jadual 1 di bawah berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Salman.

Kaedah Pengeluaran	Sos Cili (botol)	Sos Tomato (botol)
P	0	100
Q	20	80
R	40	50
S	60	0

Jadual 1

Apakah kos lepas jika Syarikat Salman menukarka Teknik pengeluaran daripada Q ke S?

- A 20 botol sos cili
 - B 40 botol sos cili
 - C 60 botol sos tomato
 - D 80 botol sos tomato
- 3 Antara yang berikut yang manakah merupakan analisis keluk kemungkinan pengeluaran?
- I Ekonomi mengeluarkan 2 jenis barang sahaja
 - II Tingkat teknologi sentiasa berubah
 - III Sumber ekonomi tidak terhad
 - IV Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan masalah asas ekonomi?
- A Menentukan jenis input yang hendak digunakan
 - B Menentukan jenis barang yang hendak dikeluarkan
 - C Menentukan kualiti barang yang hendak dikeluarkan
 - D Menentukan jangka masa sesuatu barang dikeluarkan

- 5 Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Golongan kaya dapat membeli banyak barang jika dibandingkan dengan golongan miskin

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan?

- A Untuk siapa dikeluarkan
 - B Apa yang hendak dikeluarkan
 - C Bagaimana hendak dikeluarkan
 - D Berapa yang hendak dikeluarkan
- 6 Apakah persamaan ciri bagi Sistem Ekonomi Perancangan Pusat dengan Sistem Ekonomi Campuran?
- A Mengutamakan kebajikan masyarakat
 - B Wujud persaingan yang sihat antara pengeluar
 - C Sumber ekonomi dimiliki oleh semua masyarakat
 - D Tingkat harga barang dan perkhidmatan ditentukan oleh mekanisme harga

- 7 Maklumat di bawah berkenaan dengan ciri sistem ekonomi

Masalah pengagihan barang ditentukan oleh mekanisme harga. Ketidakeimbangan agihan pendapatan diselesaikan melalui cukai

Apakah sistem ekonomi yang dijelaskan dalam pernyataan di atas?

- A Sistem ekonomi Perancangan Pusat
- B Sistem ekonomi Pasaran Bebas
- C Sistem Ekonomi Campuran
- D Sistem ekonomi Islam

- 8 Apabila harga barang P turun, kuantiti diminta bagi barang Q meningkat. Apakah barang P dan barang Q?

	Barang P	Barang Q
A	Milo	Horlicks
B	Telefon bimbit	Alat pengecas
C	The	Kopi
D	Ikan	Daging

- 9 Maklumat di bawah berkaitan dengan penentu permintaan bagi jam tangan jenama MAU.

Harga seunit(RM)	Bulan Januari (unit)	Bulan Julai (RM)
150	300	500

Mengapakah berlaku perubahan permintaan pada bulan Julai?


- A Kejatuhan harga barang pengganti
 B Kenaikan harga barang penggenap
 C Daya pengeluaran meningkat
 D Musim perayaan
- 10 Jadual 2 di bawah menunjukkan nilai keanjalan harga permintaan bagi barang M dan barang N.

Barang M	Barang N
0.8	1.5

Apakah implikasi terhadap jumlah hasil sekiranya pengeluar menurunkan harga barang M dan barang N?

	Barang M	Barang N
A	Meningkat	Meningkat
B	Menurun	Meningkat
C	Meningkat	Menurun
D	Menurun	Menurun


- 11 Rajah 1 di bawah menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran buah pisang.



Rajah 1

Apakah faktor yang menyebabkan pergerakan titik keseimbangan dari E_0 ke E_1 ?

- A Penurunan cita rasa pengguna
 - B Keadaan cuaca yang buruk
 - C Kenaikan harga barang pengganti
 - D Penurunan harga faktor pengeluaran
- 12 Rajah 2 di bawah berkaitan dengan keluk keseimbangan pasaran.



Rajah 2

Apakah kesan jika harga berada di bawah P_0 ?

- A Kuantiti ditawarkan melebihi kuantiti diminta
 - B Tingkat harga cenderung untuk meningkat
 - C Tingkat harga tidak berubah
 - D Kuantiti diminta kurang dari kuantiti ditawarkan
- 13 Mengapakah wang boleh digunakan sebagai alat bayaran tertunda?

- A Wang mempunyai nilai yang stabil
- B Wang merupakan alat pertukaran yang sah
- C Wang boleh digunakan untuk pembahagian nilai
- D Wang dapat mengatasi masalah keperluan dan kehendak serentak

- 14 Antara pernyataan berikut yang manakah menunjukkan perbezaan antara bank pusat dengan bank perdagangan?

	Bank pusat	Bank perdagangan
A	Menerima deposit daripada orang ramai	Menerima deposit daripada firma
B	Memberi kemudahan pinjaman kepada firma	Memberi kemudahan pinjaman kepada masyarakat
C	Menguruskan akaun kerajaan	Menguruskan akaun semasa
D	Penasihat kewangan kepada syarikat korporat	Penasihat kewangan kepada agensi kerajaan

- 15 Maklumat yang berikut berkaitan dengan pendapatan Encik Manaf pada tahun 2019

Pendapatan dan potongan	RM
Gaji	18000
Elaun perumahan	500
KWSP	11%
Insurans nyawa	400
Cukai pendapatan	150
Zakat	180

Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Manaf .

- A RM 15 190
- B RM 15 290
- C RM 16 190
- D RM 16 290

16 Antara situasi yang berikut, yang manakah paling sesuai dilakukan dengan menggunakan draf bank?

- A Encik Amri membayar pinjaman pendidikan anaknya
- B Puan Tey membayar premium insurans nyawa
- C Puan Kam melanggan saham terbitan awam
- D Encik Zaman membayar bil astro

17 Pilih pasangan kos tetap dan kos berubah yang tepat bagi sebuah syarikat pemaju perumahan.

	Kos Berubah	Kos Tetap
A	Susut nilai kereta	Pembelian simen
B	Upah buruh kasar	Sewa pejabat
C	Gaji penyelia projek	Minyak petrol lori
D	Faedah pinjaman bank	Bil elektrik

18 Jika bilangan pekerja di Syarikat Amin bertambah daripada 7 orang kepada 9 orang. Kos pengeluaran meningkat dari RM 2 900 ke RM 3 400. Manakala jumlah keluaran bertambah daripada 2100 ke 2300 unit. Hitung keluaran marginal bagi syarikat tersebut.

- A 100 unit
- B 200 unit
- C 250 unit
- D 500 unit

19 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran suatu barang oleh Firma X.

Kos tetap	RM 900
Kos berubah	RM 550
Kos purata	RM 5

Berapakah jumlah keluaran firma tersebut?

- A 290
- B 180
- C 110
- D 100

- 20 Antara yang berikut, faktor yang manakah akan meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi?
- I Prosedur kerja yang fleksibel dan ringkas
 - II Proses membuat keputusan yang rumit
 - III Persekitaran kerja yang sempit dan berbahaya
 - IV Tenaga pekerja yang mahir dan berkebolehan
- A I dan IV
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV
- 21 Bagaimanakah cara kerajaan mengawal kesan eksternaliti negatif?
- I Undang-undang dan peraturan
 - II Subsidi dan cukai
 - III Dasar harga maksimum
 - IV Dasar harga minimum
- A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV
- 22 Apakah objektif makroekonomi negara yang ingin dicapai oleh kerajaan?
- A KDNK meningkat
 - B Pertumbuhan ekonomi
 - C Imbangan pembayaran defisit
 - D Tingkat harga umum meningkat
- 23 Pernyataan manakah yang benar mengenai kesan inflasi.
- A Upah benar menurun
 - B Masyarakat lebih cenderung untuk menabung
 - C Nilai eksport negara akan meningkat
 - D Kadar pengangguran meningkat

24 Apakah ciri-ciri inflasi tarikan permintaan ?

- I Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
- II Kos pengeluaran meningkat
- III upah buruh meningkat
- IV Proses penciptaan kredit yang pesat

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

25 Pernyataan manakah yang benar berkenaan peranan kerajaan?

A	Sebagai pengeluar	Mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat
B	Mencapai objektif pertumbuhan ekonomi	Aktiviti pengeluaran dalam negara
C	Mencapai objektif imbangan pembayaran lebihan	Pengaliran keluar melebihi wang masuk
D	Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif	Memastikan guna tenaga penuh dapat dicapai

26 Bagaimanakah kerajaan menggunakan belanjawan negara untuk mengurangkan kadar inflasi?

- A Menaikkan kadar cukai
- B Menambahkan perbelanjaan
- C Menaikkan kadar faedah
- D Menaikkan nisbah rizab berkanun

27 Antara berikut yang manakah merupakan perbelanjaan mengurus?

- I Membina jalan raya dan dewan orang ramai
- II Membaik pulih asrama sekolah
- III Membina kem tentera
- IV Pemberian subsidi

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

- 28 Pilih bentuk sekatan yang dilakukan dalam perdagangan antarabangsa
- I Levi
 - II Cukai eksport
 - III Kawalan pertukaran asing
 - IV Sekatan bukan ekonomi
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV
- 29 Mengapakah sesebuah negara memerlukan pertukaran asing?
- A Untuk membiayai import negara
 - B Untuk membiayai eksport negara
 - C Untuk membiayai perbelanjaan mengurus
 - D Untuk membiayai perbelanjaan pembangunan
- 30 Mengapakah nilai mata wang sesebuah negara jatuh?
- A Nilai eksport lebih tinggi daripada nilai import
 - B Nilai import lebih tinggi daripada nilai eksport
 - C Nilai eksport dan import tidak berubah
 - D Nilai eksport sama dengan nilai import
- 31 Antara berikut yang manakah merupakan import tak Nampak?
- A Import susu segar dari New Zealand
 - B Penghantaran pelajar ke United Kingdom meningkat
 - C Kemasukan pelancong dari Timur Tengah meningkat
 - D Import barang modal dari Jerman
- 32 Antara berikut yang manakah merupakan tujuan utama kerajaan mengenakan duti eksais?
- I Melindungi industry muda dan tempatan
 - II Menyekat penggunaan terhadap barang membahayakan kesihatan
 - III Membaiki imbalan pembayaran negara
 - IV Sebagai hasil kerajaan

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

33 Manakah yang merupakan kesan defisit akaun semasa ?

- A Guna tenaga berkurangan
- B Pendapatan negara bertambah
- C Kos sara hidup masyarakat bertambah
- D Harga barang eksport bertambah mahal

34 Apakah kesan penurunan kadar pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika atas eksport dan import Malaysia?

	Eksport	Import
A	Meningkat	Meningkat
B	Menurun	Meningkat
C	Meningkat	Menurun
D	Menurun	Menurun

Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Beul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Penawaran adalah tak anjal apabila pertambahan penawaran memerlukan tambahan Kos yang sedikit
- II Penawaran adalah anjal jika firma mempunyai stok barang yang banyak
- 36 I Keluaran purata ialah perubahan jumlah keluaran akibat perubahan seunit input berubah
- II Jumlah keluaran ialah jumlah output yang dapat dihasilkan oleh firma dalam suatu Jangka masa tertentu
- 37 I Eksternaliti ialah kos atau faedah yang tidak diambil kira dalam pengeluaran dan penggunaan sesuatu barang atau perkhidmatan.
- II Kos sosial = kos peribadi + kos luaran
- 38 I Keباika sekatan perdagangan antarabangsa adalah mengurangkan pengangguran dalam negara.
- II Mengurangkan jumlah eksport merupakan keburukan sekatan perdagangan antarabangsa.
- 39 I Risiko pelaburan ialah kemungkinan menghadapi sesuatu yang tidak pasti pada masa akan datang.
- II Pelaburan dalam saham syarikat mempunyai risiko yang rendah maka pulangnya tinggi.
- 40 I Apabila nilai Ringgit Malaysia meningkat, maka harga eksport Malaysia meningkat.
- II Apabila nilai Ringgit Malaysia meningkat, berlaku imbalan dagangan lebihan.

KERTAS SOALAN TAMAT

